

05/12/1997

Harga minyak masak ditetapkan

KUALA LUMPUR, Khamis - Kerajaan menetapkan harga minyak masak kelapa sawit tulen dan campuran pada kadar RM3.30 sekilogram, sekali gus menolak permintaan pengeluar minyak masak menaikkan harga bahan itu.

Kadar itu berdasarkan purata harga jualan pada 1996.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob, berkata Kabinet juga mengarahkan supaya pengeluar minyak masak kelapa sawit menggunakan dua sistem harga jualan iaitu:

- * Harga untuk pasaran antarabangsa berdasarkan dolar Amerika (AS); dan
- * Jualan bagi kegunaan tempatan mestilah berdasarkan Ringgit Malaysia dan pada harga yang murah.

"Saya sudah berbincang dengan Menteri Perusahaan Utama, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik, pagi ini dan menetapkan harga minyak masak tidak boleh dinaikkan. Sebaliknya ia mestilah sama dengan harga purata 1996," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat minggungan kementerian di sini, hari ini.

Semalam, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Kabinet menolak kenaikan harga minyak masak yang menggunakan mekanisme pengiraan berasaskan harga pasaran eksport dan mengarahkan mereka mengenal pasti mekanisme baru yang tidak mengambil kira harga eksport.

Harga yang ditetapkan oleh kementerian adalah lebih rendah berbanding Thailand iaitu RM3.80 sekilogram. Difahamkan, Dr Lim akan membentangkan kertas kerja pelaksanaan dua sistem harga itu kepada Jemaah Menteri minggu depan bagi membolehkan harga yang ditetapkan itu diwartakan secepat mungkin.

Sementara itu, Menteri Perusahaan Utama, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik, berkata harga minyak kelapa sawit untuk keperluan eksport akan dijual berasaskan harga pasaran antarabangsa, manakala keperluan kegunaan tempatan akan ditawarkan pada kadar lebih rendah.

"Harga bagi minyak kelapa sawit untuk dieksport akan diletakkan pada tahap harga setinggi mungkin bagi memperolehi hasil keuntungan eksport yang tinggi.

"Bagi kegunaan pasaran tempatan, pengeluar akan menawarkan harga pada kadar yang lebih rendah untuk pengilang," katanya dalam satu kenyataan, hari ini.

(END)